

JABATAN KORPORAT

TARIKH:02.09.2024 MASA:5.30 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAKAN MALAM SEMPENA LAWATAN KERJA YANG
BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
MELAKA KE PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
2 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)
8.00 MALAM

CROWNE PLAZA, BUTTERWORTH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Azhar Bin Haji Arshad

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

YBhg. Dato' Abdul Kahar Bin Abdullah

Timbalan Setiausaha Pulau Pinang (Pengurusan)

YBhg. Dato' Haji Shadan Bin Haji Othman

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Yang Berusaha Encik Muhamad Husni Bin Mahmud

Setiausaha Bahagian

Jabatan Kerja Raya

Yang Berusaha Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Yang Berusaha Ir. Mohamad Salzeli Bin Mohktar

Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka

Yang Berusaha Puan Wan Rafidah Binti Awg Isa

Setiausaha Unit Perancang Ekonomi

Ketua-Ketua Jabatan Daripada Delegasi Kerajaan Negeri Melaka

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Mendapat Daun Si Anak Dara,

Di Bawah Sarang Burung Tempua,

Salam Santun Pembuka Bicara,

Selamat Datang Untuk Semua.

1. Alhamdulillah, pertama dan terutamanya marilah sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul bersama-sama pada malam ini yang cukup bermakna dalam **Lawatan Kerja Yang Berhormat Dato' Azhar Bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka ke Pulau Pinang bersama delegasi beliau ke Pulau Pinang dan Seberang Perai.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Azhar Bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Yang Berhormat Datuk Wira Salhah binti Salleh, Pegawai Kewangan Negeri Melaka, YBhg. Datuk Haji Shadan Bin Haji Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Negeri Melaka Bersejarah dan semua ketua-ketua agensi kerajaan negeri Melaka. Selain itu, saya juga ingin

mengucapkan selamat datang buat semua wakil daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga.

3. Bersama-sama saya pada hari ini ialah Tuan Ibrahim Bin Md Noor, Setiausaha Bandaraya MBSP yang baru dilantik pada 1 Ogos 2024 dan 19 Ketua Jabatan, 2 Ketua Bahagian dan 3 Ketua Unit. Sekali lagi, Selamat Datang buat semua.

4. Untuk makluman semua, MBSP telah dinaiktaraf menjadi Bandaraya pada 16 September 2019 dan Datuk Bandar yang pertama diangkat ketika itu ialah Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Azhar Bin Haji Arshad juga pernah memegang jawatan sebagai Datuk Bandar MBSP pada 1 Januari 2022 sebelum diangkat menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka pada 24 Jun 2024. Saya masih ingat lagi slogan yang dibawa oleh beliau iaitu Amanah, Betul dan Cepat (ABC). Slogan yang pada saya begitu ringkas tapi membawa 1000 makna dan kata-kata yang menjadi pendorong buat semua kakitangan kerajaan terutamanya. Saya pasti slogan ini sekarang beralih ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka pula.

5. Mengenal Dato' Azhar, beliau memiliki personaliti, kredibiliti, dedikasi dan komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Sikap sendiri beliau yang *down to earth*, boleh dibawa berbincang, *easy-going*, dan sentiasa berusaha mempermudah urusan adalah kualiti utama beliau yang perlu dicontohi dan diteladani oleh warga kerja MBSP. Terima kasih Dato' kerana MBSP masih di hati Dato'.

6. Apa yang saya harapkan daripada Majlis Makan Malam pada hari ini, agar kita sama-sama dapat menjalinkan *networking* dan persahabatan demi kebaikan dua pihak antara Kerajaan Negeri Melaka dan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Mungkin banyak *best practices* yang dapat dikongsi antara kita khususnya daripada aspek pelancongan.

7. Akhir kata, saya tidak ingin bercakap panjang dan sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini, izinkan saya memberi serangkap pantun:

Kalau Tuan Pikat Cemara,

Buatlah Bara Bakar Selasih,

Sudilah YB Dato/Tuan/ Puan jamu selera,

Hidangan Makan Malam Pengikat Kasih.

**Sekian, terima kasih. *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,*
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***